Source: *Berita Harian,* p16
Date: 5 April 2016

Pemilihan: NUS turut nilai bakat bukan hanya gred

UNIVERSITI Nasional Singapura (NUS) memperluas skop memilih pelajar tahun lalu dengan menerima pelajar menerusi satu skim mengambil kira bakat pelajar dan bukan hanya gred.

Ia menemu ramah seramai 1,600 pelajar tahun lalu di bawah skim kemasukan budi bicara itu, dengan pelajar yang tidak dapat mengikuti kursus sebab skor kemasukan, dipertimbang berdasarkan sifat seperti kepimpinan atau kemahiran keusahawanan atau bakat dalam seni dan sukan.

NUS menerima 670 pelajar itu – membentuk 10 peratus dalam kohort 2015 dan jumlah maksimum yang dibenarkan Kementerian Pendidikan (MOE) di bawah skim itu.

Pada tahun sebelumnya, ia menemu ramah 1,200 pelajar dan menerima 600 pelajar di bawah skim itu.

Kesemua universiti tempatan di sini mempunyai skim kemasukan budi bicara.

Pada Januari, MOE berkata institusi pengajian tinggi akan memberi lebih banyak tumpuan ke atas cara pemilihan menyeluruh bagi kemasukan ke institusi.

Pegawai MOE juga berkata bahawa terdapat ruang untuk menerima lebih ramai pelajar menerusi skim kemasukan budi bicara itu.

Dalam satu wawancara dengan akhbar *The Straits Times*, Naib Provos NUS bagi pendidikan mahasiswa, Profesor Bernard Tan, bagaimanapun berkata pemohon yang dipertimbang menerusi proses budi bicara itu masih perlu mempunyai gred yang baik.

Beliau berkata: "Yang pasti , kami harus memastikan bahawa mereka boleh mengikuti satu program sarjana muda yang ketat. Oleh itu, secara amnya, mereka hanya kurang beberapa mata."

Beliau menjelaskan mengapa NUS memberi lebih ramai pelajar peluang dipertimbang di bawah skim itu.

"Gred akademik hanya boleh memberitahu anda sedikit tentang seorang pelajar," kata beliau.

"Menerusi esei peribadi dan wawancara bagi proses kemasukan budi bicara, kami dapat menilai minat dan kebolehan mereka dengan lebih baik bagi sesebuah bidang.

"Atau jika mereka mempunyai bakat, seperti dalam seni atau sukan, itu akan menambahkan prestasi badan pelajar NUS," tambahnya.

Beliau berkata penerimaan sebanyak 10 peratus tempat menerusi skim itu telah membantu universiti itu menyuntik lebih kepelbagaian dalam badan pelajarnya.

Walaupun NUS tidak menyediakan perangkaan, kepelbagaian yang meningkat itu jelas dilihat dalam fakulti seperti undang-undang dan perubatan.

Fakulti ini, sejak beberapa tahun lalu, telah menerima lebih ramai pelajar daripada politeknik dan lebih banyak maktab rendah.

Profesor Tan berkata pelajar meraih manfaat.

"Pendedahan kepada individu yang mempunyai perspektif berbeza bukan hanya mempertingkat pendidikan mereka, malah memberi persediaan bagi kehidupan bekerja, yang sering memerlukan mereka mempunyai hubungan baik dengan pelbagai kumpulan individu," kata beliau.

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Ltd. Permission required for reproduction.